

29/09/2003

Iraq mahu sertai OIC sebagai anggota

KUALA LUMPUR: Iraq menggesa Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) membenarkannya menghadiri sidang kemuncak pertubuhan itu di Putrajaya bulan depan sebagai negara anggota dan bukan sekadar pemerhati.

Negara yang ditakluk Amerika Syarikat (AS) itu juga meminta Malaysia selaku tuan rumah persidangan menggunakan pengaruhnya menyokong Iraq untuk menyertai persidangan itu sebagai anggota.

Konsul Iraq di Malaysia, Sabah Latif Ahmed, berkata negaranya berhak menghadiri sidang kemuncak itu sebagai anggota penuh kerana mempunyai kerajaan sementara yang diiktiraf iaitu Majlis Pemerintah Iraq (IGC).

Sambil mengharapkan ihsan negara Islam lain, beliau berkata, Iraq wajar diwakili memandangkan isu penaklukan Iraq adalah antara agenda utama yang akan dibincangkan pada sidang kemuncak kali ini.

Selain itu, katanya, Iraq sudah menduduki kerusi keanggotaannya pada mesyuarat Liga Arab baru-baru ini dan pada Perhimpunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang sedang berlangsung sekarang.

"Iraq adalah salah satu negara pengasas OIC dan kami mahu menduduki kerusi keanggotaan kami supaya dapat menyatakan keadaan di Iraq pada masa ini.

"Adalah penting untuk Iraq menghadiri sidang kemuncak itu. Kami tidak mahu Iraq diketepikan pada masa yang amat getir sekarang," katanya menerusi jurubahasa dalam wawancara bersama Berita Harian di Kedutaan Iraq di sini, baru-baru ini.

Sidang Kemuncak OIC ke-10 akan berlangsung di Pusat Konvensyen Putrajaya mulai 11 hingga 18 Oktober ini. Pada sidang kemuncak itu Malaysia akan mengambil alih kerusi pengerusi OIC

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, sebelum ini menjelaskan OIC tidak dapat menjemput Iraq menyertai sidang kemuncak itu sebagai anggota pertubuhan kerana negara itu masih di bawah pendudukan AS dan tidak mempunyai kerajaan yang sah selepas kerajaan Saddam Hussein ditumbangkan.

Katanya, Iraq hanya akan diberikan status negara pemerhati, sama seperti yang diberikan kepada Afghanistan apabila kerajaan Taliban tumbang berikutan serangan dan selepas penaklukan AS dan tentera sekutu.

"Kita hanya mengiktiraf Kerajaan Iraq sesudah rakyat negara itu sendiri yang memilih kerajaannya, bukan ditentukan oleh AS seperti sekarang," katanya.

IGC dibentuk pada Julai lalu dengan 25 anggotanya dilantik Pentadbir Amerika di Iraq, Paul Bremer.

Mengulas lanjut, Sabah berkata, status IGC tidak wajar dipertikaikan kerana ia adalah kerajaan sementara yang diwakili pemimpin semua puak di Iraq dan sedang mengatur pilihan raya umum bagi memilih kerajaan tetap.

Beliau berkata, AS juga sudah bersetuju supaya pilihan raya diadakan tahun depan seperti yang dirancangkan serta dipersetujui masyarakat antarabangsa.

"Kami cuma menanti masa sebelum Iraq mempunyai kerajaan berdaulat," katanya.

Sabah berkata, pihaknya sudah menemui pegawai kanan Wisma Putra bagi menyatakan hasrat Iraq itu dan percaya Malaysia yang bakal menerajui OIC akan mempertimbangkan permohonan berkenaan.

Katanya, delegasi IGC yang kini berada di New York juga akan membincangkan perkara itu dengan delegasi OIC, termasuk Malaysia yang diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kami berharap Malaysia serta negara OIC lain akan membantu Iraq," katanya.

Ditanya perkara yang Iraq akan kemukakan pada sidang kemuncak itu jika dibenarkan menghadirinya sebagai anggota, Sabah berkata, IGC mempunyai

beberapa agenda penting.

"Bagaimanapun, kami tidak mengetahui apakah agenda itu. Ia akan ditentukan oleh Baghdad," katanya.